



## Sejarah Penubuhan PPP

Kecenderungan KUTKM menjadi sebuah institusi yang prolifik menyebabkan pihak pentadbir mengakui pentingnya sumber manusia yang ada, dibangunkan dan digembeng sepenuhnya demi merealisasikan falsafah, misi dan objektif penubuhan; menjadi Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) yang bertaraf global.

Pusat Pengajaran dan Pembelajaran (PPP), Kolej Universiti Teknikal Kebangsaan Malaysia (KUTKM) yang sebelum ini dikenali sebagai Pusat Kecemerlangan Pengajaran dan Pembelajaran (PKPP) ditubuhkan oleh Pihak Pengurusan melalui Pekeliling Pentadbiran Bil.20 / 2004 diketuai seorang Pengarah, Penolong Pendaftar, 1 Pensyarah, 1 Pembantu Tadbir (P/O) dan 1 Pembantu Tadbir (Kesetiausahaan).

Terdahulu, seorang Pensyarah yang mengetuai Unit Pengurusan Latihan, En. Lambak Tompong telah meletak jawatan bagi menumpukan perhatian terhadap perniagaan keluarga.

Fokus utama penubuhan ini ialah membudayakan kecemerlangan dalam pengajaran/penyelidikan dan penasihat akademik di kalangan tenaga akademik di samping bertanggungjawab membangun dan melaksanakan program-program pembangunan sumber manusia di kalangan staf akademik sejajar dengan program kecemerlangan pelajar. Pusat ini bertanggungjawab membangunkan program-program / aktiviti-aktiviti bagi meningkatkan pencapaian pembelajaran akademik pelajar dan kualiti pengajaran di universiti ini. Peningkatan kualiti dan keberkesanan proses pengajaran dan pembelajaran telah dikenal pasti sebagai salah satu agenda utama PPP dalam membantu KUTKM menjadi "world class university".

Oleh yang demikian, KUTKM bersetuju menubuhkan Jawatankuasa Tetap Pengajaran dan Pembelajaran di peringkat Universiti pada 8 Disember 2004 sebagai jawatankuasa yang bertanggungjawab secara langsung bagi membincangkan secara pro-aktif aktiviti pengajaran dan pembelajaran dipengerusikan oleh Pengarah PPP.

## sidang PENGARANG

Penaung : Y.Bhg. Datuk Prof. Ismail Hassan, REKTOR

Penasihat : Y.Bhg. Profesor Dr. Abu Abdullah, TIMBALAN REKTOR (AKADEMIK DAN PENGANTARABANGSAAN)

Ketua Pengarang : Y.Bhg. Prof. Madya Dr. Zolkepli Buang, PENGARAH PUSAT PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN

Pen. Ketua Pengarang : En. Mohd Marwan Hj. Abu Kasim

Pengarang : Y.Bhg. Datuk Hj. Mazlan Abdullah  
:: Tn. Hj. Ismail b. Abd. Jalil  
:: Cik Teh Zanariah bt. Hj. Mohd. Raus  
:: Cik Noor Maslian bt. Othman @ Abd. Halip

Urus setia : En. Azmer Che Mohd Salleh  
:: Pn. Rina Arianty Hashim

Reka Bentuk Media & Grafik :: Penerbit Universiti



## Aluan PENGARAH

Pusat Pengajaran dan Pembelajaran

Prof. Madya Dr. Zolkepli b. Buang

Salam sejahtera kepada semua.

Pusat Pengajaran dan Pembelajaran (PPP) yang telah ditubuhkan pihak pengurusan Universiti melalui penstrukturan dan pengorganisasian semula KUTKM pada 1 November 2004 dahulunya dikenali sebagai Pusat Kecemerlangan Pengajaran dan Pembelajaran atau CTLE (Centre for Teaching and Learning Excellence).

Penubuhan Pusat Pengajaran dan Pembelajaran sebenarnya bertujuan membudayakan kecemerlangan dalam pengajaran/penyelidikan dan penasihat akademik di kalangan warga akademik KUTKM. Pusat ini secara tidak langsung berperanan membangun dan melaksanakan program-program pembangunan sumber manusia di kalangan staf akademik

sejajar dengan program kecemerlangan pelajar. Untuk makluman semua, Pusat ini bertanggungjawab membangunkan program / aktiviti / latihan & kursus kepada tenaga akademik KUTKM bagi meningkatkan pencapaian pembelajaran akademik pelajar universiti. Pada hemah saya, Peningkatan kualiti dan keberkesanan proses pengajaran dan pembelajaran (P & P) dikenal pasti sebagai salah satu teras menjadikan KUTKM sebagai "world class university" pada masa hadapan.

Pelbagai kekangan yang dilalui akhirnya dilaksanakan dengan penuh jaya. PPP harus melangkah melaksanakan amanah yang telah diberikan oleh pengurusan Universiti bermula dengan Sesi Penerangan Konsep dan Penubuhan PPP dahulu, melaksanakan Kursus wajib seperti Kursus Asas Pengajaran dan Pembelajaran (P & P) serta kursus-kursus lain yang dijadualkan secara berkala mulai 2006.

Sebagaimana yang telah saya sebutkan tadi, PPP juga mempunyai peranan dan objektif yang amat jelas untuk dilaksanakan melalui Kalendar Aktiviti Latihan P & P yang dirancang sepanjang 2006 bermula Januari lalu. Sebanyak 14 kali kursus akan dilaksanakan minimum 2 hari sehingga berakhir Disember depan iaitu kursus sekali pelaksanaan setahun membabitkan semua kakitangan akademik baru dan kanan. Ini termasuk perancangan, pelaksanaan dan penilaian program-program latihan dan kemahiran yang dikendalikan untuk meningkatkan kualiti pengajaran dan pembelajaran, membentuk modul latihan yang bertujuan membantu melaksanakan program-program latihan untuk meningkatkan kualiti pengajaran dan pembelajaran, program persijilan pengajaran dan pembelajaran - Sijil Asas Kompetensi P & P untuk staf akademik dan tenaga pengajar, pelaksanaan kajian yang komprehensif serta menggalakkan kegiatan penyelidikan dan pembangunan ke arah peningkatan kualiti pengajaran dan pembelajaran (P & P). PPP juga bercadang merancang kursus-kursus yang mencakupi Modul Penilaian Tahap Kecekapan 4 - 5 bagi Pengurusan Kanan Akademik pada masa hadapan sekali gus meningkatkan lagi pemerkasaan P & P. Kesemua yang disebutkan ini menuju penetapan pencapaian Sasaran Teras Strategik KUTKM iaitu mencapai kecemerlangan akademik melalui pengiktirafan pengajaran dan pembelajaran melalui persijilan MS ISO 9000.

Sebagai tambahan, PPP berhasrat menjadi pusat kecemerlangan yang unggul dan mengendalikan program latihan berkualiti ke arah penambahbaikan kualiti P & P serta menjadi Pusat Pengajaran dan Pembelajaran yang berupaya melahirkan tenaga akademik yang profesional dan berketerampilan melalui pembelajaran sepanjang hayat berasaskan pendidikan universiti teknikal berkualiti berorientasikan aplikasi dan amalan. Ianya amat penting di dalam menjayakan sebahagian hasrat murni kepimpinan iaitu Pembangunan Modal Insan menjadi teras kepada pembangunan negara pada masa hadapan serta kepentingan mengekalkan Profesionalisme yang merupakan tonggak dan paksi kecemerlangan.

Adalah menjadi harapan PPP agar dapat berganding bahu serta bersama-sama kepimpinan dan semua staf di dalam menjayakan visi KUTKM - Menjadi Universiti Teknikal Yang Kreatif Dan Inovatif Terkemuka Di Dunia melalui moto Kompetensi Teras Kegemilangan.

Salam buat semua

## [MISI PPP]

Menjadi Pusat Kecemerlangan Pengajaran dan Pembelajaran yang berupaya melahirkan tenaga akademik yang profesional dan berketerampilan melalui pembelajaran sepanjang hayat berasaskan pendidikan universiti teknikal berkualiti berorientasikan aplikasi dan amalan.

## [VISI PPP]

PPP berhasrat menjadi pusat kecemerlangan yang unggul dalam mengendalikan program latihan berkualiti ke arah penambahbaikan kualiti P & P kepada tenaga akademik KUTKM.

# Timbalan Rektor (akademik & pengantarabangsaan)

## MISI & WAWASAN

Assalamualaikum wrt. wbt. dan salam sejahtera untuk semua.

Adalah menjadi harapan saya untuk menyatukan pemikiran semua staf KUTKM dalam satu hala tuju yang sama dan sejajar di dalam mencapai visi dan misi KUTKM. Staf pengurusan dan sokongan perlu memberikan perkhidmatan terbaik bagi memastikan staf akademik dapat memberi tumpuan kepada tugas mereka. Pelanggan perlu diberi keutamaan, terutamanya pelajar yang merupakan pelanggan utama. Bagi melahirkan pelajar yang cemerlang, kedua-dua golongan ini perlu berusaha untuk memantapkan diri masing-masing supaya menjadi insan yang cemerlang. Selaras dengan hasrat tersebut, staf akademik dan pengurusan perlu memahami peranan, fungsi dan tanggungjawab masing-masing. Akademik merupakan 'core business' KUTKM yang utama. Staf akademik digalakkan untuk meningkatkan tahap pengetahuan, kemahiran dan kepakaran dalam bidang masing-masing dengan melanjutkan pengajian sehingga ke peringkat PhD, melaksanakan kegiatan penyelidikan, perundingan, pembentangan kertas, penulisan serta keterlibatan langsung dalam aktiviti akademik seperti persidangan, konvensyen, kolokium, seminar, bengkel dan forum. Dalam Pelan strategik KUTKM, Universiti telah meletak sasaran akan mempunyai 50% staf akademik memiliki ijazah Doktor Falsafah menjelang tahun 2010 dengan tumpuan pendidikan yang akan diberikan kepada negara seperti Jerman, Australia, USA, Jepun, Korea. Walaupun sasaran peratusan ini di bawah apa yang telah ditetapkan oleh Kementerian Pengajian Tinggi bagi semua IPTA, ia dikira realistik bagi KUTKM sebagai sebuah universiti baru.

Menyentuh berkenaan sistem penyampaian atau 'delivery system', kerana birokrasi amat perlu dikurangkan dan diperbaiki. Saya menasihatkan agar kita tidak terlalu lambat di dalam kepesatan arus pembangunan KUTKM yang memasuki 5 tahun penubuhan. Kita semua perlu berusaha memajukan diri dan organisasi agar menjadi yang terbaik dan disegani semua pihak serta mampu menjadi sumber rujukan di kalangan Universiti-Universiti di seluruh tanah air. Seiring dengan hasrat meningkatkan kualiti staf akademik, tumpuan harus diberikan kepada usaha memantapkan penguasaan bahasa Inggeris di kalangan mereka dan bahasa-bahasa lain seperti Mandrin, Jepun dan Jerman dalam era globalisasi. Bahasa global ini wajib dikuasai sebagai nilai tambah atau 'value added' terutama ke arah menyokong program pengantarabangsaan yang semakin diberi penekanan ke arah melaksanakan visi kita menjadi sebuah universiti teknikal terkemuka di dunia.

KUTKM amat memerlukan mereka yang mempunyai 'multi task skill' dalam menjalankan tugas. Semua staf perlu mempelbagaikan pengetahuan di samping memahami tugas hakiki sebenar. Pada saya, KUTKM telah berada di landasan yang terbaik dan hanya memerlukan kekemasan sistem. Aspek kemanusiaan dan pembangunan sumber manusia akan diberi perhatian kerana manusia yang menggerakkan organisasi. Kita cuba lihat seperti Negara Korea yang mengutamakan Modal Insan, Teknologi dan Kepantasan. Tiga perkara ini boleh digunapakai, diterapkan serta diberi penekanan dalam menjalankan tugas. Kita perlu melaksanakan kerja secara profesional, berobjektif, berfikiran positif dan mengetepikan emosi. Peningkatan pengetahuan dan kemahiran yang relevan seperti bahasa, komunikasi, pengurusan, dan ICT perlu dipupuk, bekerja di dalam satu pasukan dan dalam keadaan yang harmoni. Kita juga perlu menanamkan sikap saling menyayangi antara satu sama lain. Yang tua dihormati manakala yang muda pula disayangi.

Pusat Pengajaran dan Pembelajaran (PPP) harus berani ke depan dan aktif di dalam merancang, melaksana dan memperkasa Latihan Pengajaran dan Pembelajaran (P & P) serta kursus-kursus wajib dan pilihan yang berkaitan bagi meningkatkan mutu dan kualiti P & P di kalangan tenaga akademik KUTKM. Latihan dan kursus berkala ini adalah perancangan jangka panjang KUTKM di dalam melahirkan tenaga akademik yang kompeten, membangunkan keterampilan, akauntabiliti, sikap dan kesedaran pentingnya P & P, meningkatkan kecekapan staf akademik dalam P & P, menerapkan strategi P & P, meningkatkan keberkesanan dan kemahiran pengendalian sesi P & P. Selain itu, PPP bertanggungjawab mendedahkan pendekatan terkini kaedah P & P, mendedahkan teknik pengukuran dan penilaian yang berkesan untuk memantau keberkesanan P & P, menyediakan garis panduan kepada staf akademik dalam Penasihat Akademik serta



Ringkas, Padat, mengandungi peristiwa dan gambar yang menarik serta memberi sedikit informasi - itulah gambaran yang boleh diberi pada penerbitan sulung ini. Mungkin kepada warga kampus menjadi sedikit misteri atas setiap penganjuran kursus dan latihan P & P yang dilaksanakan untuk tenaga akademik. Yang pastinya, kalender perancangan 2006 yang telah diatur dan disusun ini membolehkan semua tenaga akademik membuat perancangan penyertaan latihan dan kursus pada masa hadapan.

Kepada pensyarah dan tenaga akademik yang ingin memberi sumbangan idea dan karya, artikel dan lain-lain yang sesuai dengan Pengajaran & Pembelajaran (P & P) dan reflektif pastinya ruangan ini memberikan sedikit kelebihan untuk dikongsi bersama, bakal mencetuskan pemikiran yang lebih kreatif dan inovatif ke arah memperkayakan penulisan dan pembudayaan ilmu dan pemeraksanaan P&P.

Emailkan kepada [marwan@kutkm.edu.my](mailto:marwan@kutkm.edu.my)

Sidang Pengarang

Wassalam.

memberi pendedahan berterusan kepada staf akademik sedia ada atau akan datang tentang pendekatan dan strategi P & P terkini. Kesemuanya ini merupakan peningkatan profesionalisme dan kompetensi di kalangan warga akademik KUTKM berasaskan aplikasi dan amalan. Tenaga akademik yang berjaya melalui semua kursus yang ditetapkan kelak akan dianugerahkan Sijil Asas Kompetensi P & P oleh Pusat ini kelak.

Sejajar dengan perkembangan 2006, perancangan yang komprehensif dan teliti telah dibuat oleh PPP bagi melaksanakan pelbagai program yang dirancang. Ianya juga termasuk cadangan kursus latihan pengajaran dan pembelajaran dengan tambahan satu komponen yang semakin penting iaitu kaedah e-pembelajaran. Ini akan membantu meningkatkan kemahiran staf dalam menyediakan modul e-pembelajaran sebagai sokongan kepada kuliah lazim. Pelaksanaan e-pembelajaran di universiti ini akan dilipatgandakan pada masa-masa yang akan datang bergantung kepada kepakaran sumber yang dimiliki. Oleh yang demikian saya ingin mengajik kesemua warga kampus untuk bekerjasama dan berganding bahu bersama bagi terus menyumbang tenaga, idea dan pengalaman untuk menterjemahkan perancangan yang telah dibuat oleh pihak pengurusan.

Akhir kata, saya sekali lagi menyeru kepada semua pihak agar sentiasa berusaha menambah dan mempelajari pelbagai disiplin ilmu. Para akademik harus terus mendalami kaedah penyampaian yang berkesan, menambah ilmu pengetahuan serta kualiti P & P yang membolehkan pelajar kita sentiasa cemerlang dan berdaya saing di pasaran kelak. Pendekatan pendidikan berorientasikan aplikasi dan amalan memerlukan semua staf akademik memiliki 'pengalaman semasa' berkaitan latihan profesional dalam bidang pengkhususan masing-masing melalui program latihan industri yang disediakan. Oleh itu setiap staf akademik perlu menguasai apa yang dikatakan 'Pedagogical Content Knowledge' (PCK) dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Ini amat perlu terutama menterjemahkan misi KUTKM dan melahirkan sumber tenaga manusia yang akhirnya mampu memenuhi pasaran industri di masa hadapan.

Sekian, wassalam.

## [OBJEKTIF Penubuhan]

- Merancang, melaksana dan menilai program-program latihan dan kemahiran yang dikendalikan untuk meningkatkan kualiti pengajaran dan pembelajaran.
- Membentuk modul latihan yang bertujuan membantu melaksanakan program-program latihan untuk meningkatkan kualiti pengajaran dan pembelajaran.
- Merancang dan melaksana program persijilan pengajaran dan pembelajaran pengajian tinggi untuk staf akademik dan tenaga pengajar.
- Menerajui usaha membangun dan melaksanakan pendekatan pengajaran dan pembelajaran secara elektronik.
- Melaksanakan kajian yang komprehensif serta menggalakkan kegiatan penyelidikan dan pembangunan ke arah peningkatan kualiti pengajaran dan pembelajaran.
- Sasaran Teras Strategik KUTKM : mencapai kecemerlangan akademik melalui pengiktirafan pengajaran dan pembelajaran melalui persijilan MS ISO 9000

## [JAWATANKUASA]

### PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN

Jawatankuasa ini ditubuhkan pada 29 Februari 2005 apabila pihak Pengurusan Universiti / Jawatankuasa Senat melantik Pusat Kecemerlangan Pengajaran dan pembelajaran (PKPP) sekarang dikenali sebagai Pusat Pengajaran dan Pembelajaran sebagai sekretariat penubuhan jawatankuasa berkenaan. Mesyuarat sulung berkenaan, memanggil semua wakil Timbalan Dekan (Penyelidikan) dan lain-lain yang dilantik bagi membincangkan perkara-perkara penting yang berkaitan dengan Pengajaran dan Pembelajaran (P & P).

Tujuan Utama penubuhan jawatankuasa ini ialah sebagai jawatankuasa yang memandu dan menjadi penghubung penting antara PPP dan Fakulti / Pusat bagi memantapkan lagi kualiti pengajaran dan pembelajaran (P & P). Ahli-ahli jawatankuasa sentiasa bertambah berdasarkan kepada keperluan selaras dengan perkembangan Fakulti / Pusat di KUTKM dari semasa ke semasa. PPP pada masa akan datang mengharap setiap Fakulti / Pusat akan mempunyai wakil tetap dalam jawatankuasa ini. Setiap wakil yang dilantik pula akan mencalonkan nama staf akademik menjadi AJK P & P di peringkat Fakulti / Pusat dengan diketuai oleh wakil-wakil yang dilantik oleh pengurusan Universiti dan PPP.

Y.Bhg Prof. Madya Dr. Zolkepli Buang yang mengetuai pusat ini diberi peranan dan tanggungjawab oleh pihak Universiti mempengerusikan jawatankuasa ini dan merangka fungsi dan tanggungjawab yang dinyatakan ;

- Membincangkan keperluan pengajaran dan pembelajaran di kalangan staf akademik;
- Membincangkan kaedah bagi meningkatkan prestasi pengajaran dan pembelajaran staf akademik;
- Perancangan kursus, seminar dan bengkel keperluan tenaga akademik;
- Sebagai perantara antara Fakulti / Pusat dan PPP.

Adalah diharapkan pada masa-masa akan datang setiap AJK P & P Universiti memainkan peranan yang lebih bermakna di dalam pembangunan P & P dan mampu mengemblem idea meningkatkan kualiti pengajaran dan pembelajaran selaras dengan misi dan visi KUTKM seterusnya menerajui pembangunan modal insan negara.

PPP Cemerlang, Gemilang dan Terbilang.

## TENAGA PENGGERAK PUSAT PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN



**Y.Bhg Profesor Madya Dr. Zolkepli bin Buang**  
Pengaruh  
Pusat Pengajaran dan Pembelajaran



**Y.Bhg. Datuk Hj. Mazlah bin Abdullah**  
Pensyarah PPP  
Ketua Unit Pengurusan Latihan & Pensijilan Pengajaran



**PENTADBIRAN & KEWANGAN**  
En. Mohd Marwan bin Abu Kasim  
Penolong Pendaftar, Ketua Unit Pentadbiran & Kewangan



**En. Azmer b. Che Mohd Salleh**  
Pembantu Tadbir  
(Perkeranian & Operasi) & Kewangan



**Puan Rina Arianty Binti Hashim**  
Pembantu Tadbir (Kesetiausahaan)

## JAWATANKUASA P&P universiti

### Pengerusi

Prof. Madya Dr. Zolkepli b. Buang  
Pengaruh Pusat Pengajaran dan Pembelajaran

### Setiausaha

En. Mohd Marwan b. Abu Kasim  
Penolong Pendaftar, Pusat Pengajaran dan Pembelajaran

### Ahli-Ahli

Y.Bhg. Datuk Hj. Mazlan b. Abdullah  
Pensyarah Pusat Pengajaran dan Pembelajaran

Prof. Madya Abdul Rani b. Othman  
Timbalan Dekan (Akademik)  
Fakulti Kejuruteraan Elektronik dan Kejuruteraan Komputer

En. Mohamed Azmi b. Said  
Timbalan Dekan (Akademik) Fakulti Kejuruteraan Elektrik

Prof. Madya Dr. Mohd. Radzai b. Said  
Timbalan Dekan (Akademik) Fakulti Kejuruteraan Mekanikal

En. Khairul Anuar b. Rakiman  
Timbalan Dekan (Akademik) Fakulti Kejuruteraan Pembuatan

Prof. Madya Dr. Shahrin bin Sahib @ Shahbuddin  
Timbalan Dekan (Akademik)  
Fakulti Teknologi Maklumat dan Komunikasi

Prof. Madya Dr. Hanipah binti Hussin  
Timbalan Dekan (Akademik)  
Pusat Perkhidmatan Akademik (CAS)

En. Mohd Ariff bin Mat Hanafiah  
Ketua Jabatan Kawalan, Instrumentasi & Automasi  
Fakulti Kejuruteraan Elektrik

## SESI PENERANGAN BERSIRI MENGENAI KONSEP PENDIDIKAN TEKNIKAL YANG BERORIENTASIKAN APLIKASI DAN AMALAN DALAM PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN

### :: Objektif Program ::

Memberi penerangan berkaitan perancangan, pelaksanaan dan penilaian program-program latihan dan kemahiran yang dikendalikan PKPP untuk meningkatkan kualiti pengajaran dan pembelajaran (P & P) kepada seluruh warga Universiti.

### :: Maklumat Program :: (Tarikh pelaksanaan)

2 FEBRUARI 2005 (Rabu)

- Pegawai Kanan, Semua Timbalan Dekan/ dan Penyelaras Diploma

16 FEBRUARI 2005 (Rabu)

- Kumpulan sasaran staf akademik FKM dan FKP

23 FEBRUARI 2005 (Rabu)

- Kumpulan sasaran staf akademik FKEKK dan FKE

2 MAC 2005 (Rabu)

- Kumpulan sasaran staf akademik FTMK, PPA dan IPTK

Sesi Penerangan Mengenai Konsep Pendidikan Teknikal Berorientasikan Aplikasi Dan Amalan Dalam Pengajaran Dan Pembelajaran 2

16 Februari 2005



Prof. Dr. Marizan Sulaيمان, Dekan Fakulti Kejuruteraan Elektrik membincangkan kaedah dan pelaksanaan Pengajaran dan Pembelajaran (P & P) dalam sesi penerangan kedua yang dilaksanakan oleh Pusat sebagai penceramah undangan.



Peserta di kalangan tenaga akademik dari Pensyarah, Jurutera Pengajar dan Tutor Fakulti Kejuruteraan Mekanikal dan Fakulti Kejuruteraan Pembuatan sedang mendengar ceramah.



Seorang Pensyarah sedang mengajukan soalan berkenaan sesi penerangan.

Sesi Penerangan ini akhirnya dapat memberikan kefahaman kepada seluruh warga akademik berkenaan peningkatan kualiti P&P yang akan dilaksanakan oleh Pusat Pengajaran & Pembelajaran

## GAMBAR-GAMBAR Sesi Penerangan


Sesi Penerangan Mengenai Konsep Pendidikan Teknikal Berorientasikan Aplikasi dan Amalan Dalam Pengajaran dan Pembelajaran 1 (Untuk Pegawai Kanan KUTKM)

Puteri Resort, Ayer Keroh, Melaka  
2 Februari 2005

Allahyarham Prof. Dr. Azhari Salleh ketika memangku Jawatan Rektor, merasmikan Sesi penerangan bagi Pegawai Kanan KUTKM.



Para peserta sedang mendengar penerangan yang disampaikan oleh Y.Bhg Prof. Madya Dr. Zolkepli Buang. Kelihatan dalam gambar, Dekan Institut Pengajian Teknologi Keusahawanan, Prof. Dr. Salleh Yahya dan Dekan Fakulti Elektrik, Prof. Dr. Marizan Sulaiman.



Sekitar Sesi Penerangan Mengenai Konsep Pendidikan Teknikal Berorientasikan Aplikasi dan Amalan Dalam Pengajaran dan Pembelajaran 1 (Untuk Pegawai Kanan) anjuran Pusat Pengajaran dan Pembelajaran.



Sesi Penerangan Mengenai Konsep Pendidikan Teknikal Berorientasikan Aplikasi dan Amalan Dalam Pengajaran dan Pembelajaran 3.

23 Februari 2005

Sesi Penerangan Mengenai Konsep Pendidikan Teknikal Berorientasikan Aplikasi dan Amalan En. Ariff Hanafiah sedang menyampaikan taklimat berkaitan O.B.E semasa sesi penerangan bersiri berkenaan.



Para peserta sedang khusus mendengar taklimat dalam 'road show' yang dilaksanakan oleh Pusat Kecemerlangan Pengajaran dan Pembelajaran pada sesi kedua yang lalu.



2 Mac 2005



Prof. Dr. Razali Ayub menyampaikan taklimat pelaksanaan Pengajaran dan Pembelajaran (P & P) dalam sesi penerangan kali - 4 yang dilaksanakan oleh Pusat sebagai penceramah undangan. Peserta terdiri daripada Kumpulan sasaran staf akademik Fakulti Teknologi Maklumat dan Komunikasi (FTMK), Pusat Perkhidmatan Akademik (CAS) dan Institut Pengurusan Teknologi Keusahawanan (IPTK).

Para peserta sedang mengikuti perbincangan yang dibawa oleh penceramah jemputan dengan khusyuk sambil memberikan reaksi dengan pelaksanaan P & P yang akan dikendalikan oleh Pusat Kecemerlangan Pengajaran dan Pembelajaran.

## KURSUS ASAS PENGAJARAN & PEMBELAJARAN

### :: Maklumat Kursus ::

Pengetahuan dan kemahiran yang tinggi yang dimiliki oleh staf akademik tidak membawa makna kepada pelajar andainya ilmu tersebut tidak dapat disampaikan dengan berkesan. Demi memastikan perkongsian ilmu dan kemahiran berlaku antara staf akademik dan pelajar, satu modul latihan yang komprehensif telah dibangunkan dan dilaksanakan. Modul ini adalah satu kerangka latihan yang standard untuk semua IPTA serta menjadi teras bagi pembangunan P & P kepada semua tenaga akademik. Modul latihan ini mengandungi dua komponen utama iaitu pendekatan bermodul dan pembelajaran sendiri. Jumlah jam bagi pendekatan bermodul adalah 60 jam kredit bersempena, manakala bagi pembelajaran sendiri adalah 40 jam kredit yang dilaksanakan di luar waktu bersempena.

### :: Objektif ::

Memahami konsep dan prinsip pengajaran dan pembelajaran.

Meningkatkan pengetahuan, kemahiran dan pengalaman mengendalikan sesi pengajaran dan pembelajaran.

Mempelbagaikan kemahiran dan pengetahuan mengendalikan sesi pengajaran dan pembelajaran.

### :: Tarikh & Tempat Pelaksanaan ::

11 - 18 Disember 2005 di Ristec Beach Resort, Port Dickson Negeri Sembilan

### GAMBAR Kursus Asas Pengajaran & Pembelajaran

Kursus Asas Pengajaran dan Pembelajaran (P & P)  
Ristec Beach Resort, Port Dickson Negeri Sembilan  
11 - 18 Disember 2005

Y.Bhg Datuk Prof. Ismail Hassan, Rektor KUTKM dan Y.Bhg Datuk Prof. Madya Dr. Abu Bakar Mohd Diah, Timbalan Rektor (P/ P&I) hadir ke majlis perasmian Kursus Asas Pengajaran & Pembelajaran (P & P) yang diadakan di RISTEC Beach Resort. Diselak kiri ialah Y.Bhg Prof. Madya Dr. Zolkepli Buang, Pengarah Pusat Pengajaran dan Pembelajaran KUTKM.

Y.Bhg Datuk Rektor menyampaikan ceramah beliau bertajuk Akauntabiliti Akademia : Sejarah Institusi Profesionalisme Akademik sejurus majlis perasmian. Gambar sebelah Y.Bhg Prof. Madya Dr. Hanipah Husin mengendalikan ceramah beliau bertajuk Pengajaran dan Pembelajaran : Kaedah Pengajaran di IPT (ABL/ EL, Seminar, Simulasi, Projek dan lain-lain).

Y.Bhg Datuk Prof. Madya Dr. Abu Bakar Mohd Diah bergambar kenangan bersama peserta-peserta Kursus Asas Pengajaran dan Pembelajaran selepas majlis penyampaian sijil oleh beliau di akhir kursus. Di sebelah kanan beliau, Y.Bhg Prof. Madya Dr. Zolkepli Buang, Pengarah PPP dan Y.Bhg Datuk Hj. Mazlan Abdullah (kiri).


Sekitar Kursus Asas Pengajaran dan Pembelajaran di Ristec Beach Resort, Port Dickson Negeri Sembilan.



## GAMBAR

Kursus Latihan Penyeliaan Untuk Pensyarah KUTKM Ristec Beach Resort, Port Dickson Negeri Sembilan

20 - 22 Disember 2005



Y.Bhg Datuk Prof. Madya Dr. Abu Bakar Mohd Diah mewakili Rektor KUTKM menyampaikan ucapan serta merasmikan kursus berkenaan.

## BERITA KURSUS

**Port Dickson :** Pusat Pengajaran dan Pembelajaran telah melaksanakan Kursus Latihan Penyeliaan Untuk Pensyarah KUTKM iaitu aktiviti yang telah dirancang sebelum berakhirnya tahun 2005. Kursus berkenaan telah dilaksanakan di Ristec Beach Resort, Port Dickson Negeri Sembilan selama 3 hari 2 malam dengan jumlah peserta seramai 65 orang.

Kursus yang berlangsung pada 20 Disember 2005 telah dirasmikan oleh Datuk Prof. Madya Dr. Abu Bakar Mohamad Diah, Timbalan Rektor (Penyelidikan & Pengkormesilan / Inovasi).

Peserta yang ditemui melahirkan rasa puas atas pelaksanaan kursus yang dianjurkan kerana peserta didedahkan kepada teknik penyeliaan dan latihan untuk memastikan pelajar mendapat perhatian sewajarnya. Ilmu yang diperoleh sedikit sebanyak membantu untuk Penyeliaan Sarjana Muda (PSM).



Y.Bhg Prof. Madya Dr. Shahrin Sahib, Timbalan Dekan (Penyelidikan), Fakulti Teknologi Maklumat dan Komunikasi (FTMK) membacakan doa sebelum majlis bermula. Gambar sebelah : Y.Bhg Dato' Prof. Dr. Abu Bakar b. Yusof, Pensyarah Institut Pengajian Teknologi Keusahawanan sedang mendengar dan mencatatkan sesuatu ketika ceramah.

## KURSUS PEMBELAJARAN DEWASA

### :: Maklumat Kursus ::

Kursus ini membincangkan falsafah, konsep dan prinsip orang dewasa sebagai pelajar. Adalah penting untuk staf akademik memahami bagaimana orang dewasa belajar untuk membolehkan sesi pengajaran dan pembelajaran berlangsung dengan cemerlang. Di dalam kursus ini, para peserta akan didedahkan dengan falsafah dan prinsip-prinsip bagaimana orang dewasa belajar. Kenapa orang dewasa belajar dan cara mengenal pasti kesediaan pembelajaran mereka. Kursus ini perlu dihadiri oleh staf akademik kerana ianya memberikan pendedahan dan maklumat yang signifikan terhadap kejayaan proses pengajaran dan pembelajaran dan hubung kaitnya dengan orang dewasa.

### :: Objektif ::

- Mengetahui ciri-ciri pelajar dewasa dalam konteks pengajaran dan pembelajaran.
- Menentukan strategi paling sesuai untuk membentuk kecemerlangan pelajar dewasa.
- Membentuk pemahaman yang jelas mengenai kekuatan dan kelemahan pelajar dewasa dalam pembelajaran.

### :: Tarikh Pelaksanaan & Tempat ::

26 Januari 2006 di Riveira Beach Resort, Melaka

### :: Penceramah Undangan :: Prof. Madya Dr. Azahari bin Ismail (UPM)

## GAMBAR Kursus Pembelajaran Dewasa Riveira Beach Resort, Melaka

26 Januari 2006



Y.Bhg Prof. Madya Dr. Zolkepli Buang, Pengarah PPP menyampaikan taklimat berkenaan kursus yang dianjurkan oleh Pusat Pengajaran dan Pembelajaran (PPP). Di sebelah kanan ialah, Y.Bhg Prof. Madya Dr. Azahari Ismail dari Universiti Putra Malaysia (UPM) sedang menyampaikan ceramah.



Antara peserta yang hadir Kursus Pembelajaran Dewasa yang dianjurkan sepanjang hari. Kursus yang dirancang diadakan secara berterusan ini banyak memberi manfaat bagaimana orang dewasa belajar dan teknik memberi kefahaman kepada golongan tersebut.

# Genre Conventions and Practices in Teaching Technical Report Writing

Teh Zanariah Hj. Mohd. Raus  
Department of Language and Communication  
Centre for Academic Services

Technical report writing is an important aspect in the work routines of professionals and ESP practitioners. Successful report writing requires the understanding of the genre conventions and practices involved in the writing process particularly for the learners. Rogers (2001) posits that 'genre-based approaches are a major trend in the new millennium by 'rekindling an interest in functionally based approaches to language teaching (p.65). In fact genre-based approaches are becoming increasingly 'influential in the field of English language teaching' (Derewianka, 2003, p.133).

With regard to English for Science and Technology (EST) students, Selinker et al. (1976) point out that often it is not the lack of the vocabulary but the lack of knowledge of the appropriate formal schemata which leads to poor comprehension. In addition, the major problem faced by engineering students in writing technical reports is related more to the logical structure of the reports rather than language as students often do not structure available information before they begin their writing. Thus, to prepare the engineering students for professional careers and to fulfil their future employers' demands, English for Specific Purposes (ESP) practitioners who involve in the teaching of technical report writing need to train the students in understanding the strategy of designing and structuring their reports.

The introduction of teaching technical writing at tertiary level education is important since it provides the students with the foundation skills in writing various types of technical documents. In engineering field, report writing is part of every engineer's career thus the major focus of technical writing is preparing the engineering students with the skills of writing technical report. The communicative purpose of a report determines its overall organisation and development hence affects the format and manner of presentation. Therefore, in order to achieve the writing objectives, it is crucial for the engineering students to exploit the conventions and procedures of technical report as it is highly conventionalized.

Since majority of engineering students having structural problems in writing reports, a genre-based approach is highly recommended to be used in the teaching of technical report writing as it aims to help students in mastering the conventional structure of the different sections in technical reports. Using genre as a basis for an investigation of engineering discourse would be able to reveal on how the technical reports are structured. The genre-based approach is not meant only to get students interested in specific tasks but also to take them through the dynamics of reporting on a range of engineering activities, processes and products. Analysis of the Move Structure in the genre of technical reports can conform to certain standard practices within the boundaries of the genre. It means that genre analysis is useful as a means of studying written discourse such as technical reports in engineering studies.

Dudley-Evans & St. John (1998) say that knowledge of genre involves an understanding of the expectations of the discourse community that reads the text of the conventions that have developed over time about the structure, the language and the rhetoric of the genre (p.115). Mastery of the texts does not develop naturally, thus, the engineering students need to learn the conventions of reporting genres to write an acceptable report in their field of study and in their future profession. Through the use of genre analysis, the Move Structure involved in writing technical reports can be identified. Thus, it can help the students to solve the structural problems in writing their technical reports.

## Problem Based Learning as an Effective Teaching Method

Datuk Haji Mazlan Abdullah

### What is PBL?

Problem Based Learning is a curriculum development and delivery system that recognizes the need to develop problem solving skills as well as the necessity of helping students to acquire necessary knowledge and skills. Before the students learn some knowledge they are given a problem. The problem is posed so that the students discover that they need to learn some new knowledge before they can solve the problem.

### History of PBL

PBL can be traced back to Socrates (c.469-399 BC) who believed that self-education or self-discovery was the only true way to learn. PBL was officially adopted as a pedagogical approach in 1968 at McMaster University, a Canadian medical school. Later in the 1980s the Maastricht Faculty of Medicine implemented PBL as the dominant educational strategy in medical education. Teaching method soon adopted by medical schools of other universities, including Newcastle (Australia), University of New Mexico, Harvard, etc. The internet, email, journals, conferences and books have facilitated the widespread use of PBL in schools and undergraduate programs.

### Characteristics of PBL

1. Learning is student-centred
2. Learning occurs in small student groups
3. Teachers are facilitators or guides
4. Problems form the organizing focus and stimulus for learning
5. Problems are a vehicle for the development of clinical problem-solving skills
6. New information is acquired through self-directed learning

### Benefits of PBL

1. An increased retention of information
2. The development of an integrated knowledge base
3. An encouragement towards lifelong learning
4. A greater exposure to clinical experience and at an earlier stage in the curriculum
5. An increased student-staff liaison
6. An increase in overall motivation

### Conclusion

Studies carried out by researchers showed that PBL students developed thinking and problem solving skills as well as effective communication skills and sense of personal responsibility.

## GAMBAR

Kursus Penasihat Akademik Pelajar Bagi program Kejuruteraan



Ceramah Peranan Pensyarah Kejuruteraan Melahirkan Pelajar KUTKM Yang Cemerlang dibincangkan oleh Y.Bhg. Dato' Prof. D Mohd Nor b. Husain, Dekan Hal Ehwal Pelajar KUTKM ketika program berlangsung.



Prof. Abd. Hamid Hamidon turut sama dalam pembentangan berkenaan



Prof. Madya Syed Mohamed Syafek b. Syed Mansor Universiti Teknologi Malaysia (UTM) dengan ceramah beliau, Teknik Kaunseling dan Kemahiran Menolong dan Pelajar & Pengurusan Stress

## :: Maklumat Kursus ::

### KURSUS PENASIHATAN AKADEMIK PELAJAR BAGI PROGRAM KEJURUTERAAN

## :: Objektif Kursus ::

- Mendedahkan staf akademik kepada penguasaan pengetahuan dan kemahiran yang sesuai yang dapat digunakan bagi membantu pelajar mencapai kecemerlangan akademik.
- Menguasai kemahiran yang dapat membantu pelajar menyelesaikan masalah akademik mereka
- Mendedahkan ilmu bimbingan dan kaunseling kepada staf akademik supaya dapat menjadi 'kaunselor' kepada pelajar.

## :: Tarikh & Tempat Pelaksanaan ::

4 - 5 Mac 2006 di Puteri Resort, Ayer Keroh Melaka

## :: Penceramah Undangan ::

**Ceramah 1** - Peranan Pensyarah Kejuruteraan Melahirkan Pelajar KUTKM Yang Cemerlang oleh : Y.Bhg. Dato' Prof. Dr. Mohd Nor b. Husain (Dekan Hal Ehwal Pelajar KUTKM)

**Ceramah 2** - Sistem Penasihat Akademik oleh : Y.Bhg. Prof. Hamid b. Hamidon (Dekan FKEKK)

**Ceramah 3** - Taklimat Sistem dan Peraturan Akademik KUTKM oleh : En. Wahi b. Nordin (Bahagian Pengurusan Akademik KUTKM).

**Ceramah 4** - Teknik Kaunseling dan Kemahiran Menolong oleh : Y.Bhg. Prof. Madya Syed Mohamed Syafek b. Syed Mansor Universiti Teknologi Malaysia (UTM).

**Ceramah 5** - Pelajar dan Pengurusan Stress oleh : Y.Bhg Prof. Madya Syed Mohamed Syafek b. Syed Mansor Universiti Teknologi Malaysia (UTM)

Melalui kursus ini, para staf akademik didedahkan dengan pengetahuan, kemahiran dan ilmu bimbingan dan kaunseling untuk menjadi Penasihat Akademik (PA)

## KALENDAR AKTIVITI LATIHAN TAHUN 2006

### PUSAT PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN

| PROGRAM                                                                                  | JUMLAH HARI | CADANGAN TEMPAT                                                   | TARIKH / HARI                                                            | SASARAN                                                                                              |
|------------------------------------------------------------------------------------------|-------------|-------------------------------------------------------------------|--------------------------------------------------------------------------|------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| Kursus Pembelajaran Dewasa                                                               | 1 hari      | Riviera Bay Resort, Melaka                                        | 26 Jan. 2006                                                             | Pilihan (40 orang peserta)                                                                           |
| Kursus Penasihat Akademik Pelajar Bagi Program Kejuruteraan                              | 2 hari      | Puteri Resort, Melaka                                             | 4-5 Mac 2006                                                             | Wajib kepada Pensyarah yang menjadi Penasihat Akademik Pelajar Kejuruteraan (05 orang peserta)       |
| Kursus P & P Bagi Pengalaman Tahun Pertama Untuk Pensyarah KUTKM                         | 2 hari      | Sri Warisan Resort, Melaka                                        | 28 - 29 Mac 2006                                                         | Wajib kepada Pensyarah Muda dan mengajar tahun pertama (05 orang peserta)                            |
| Kursus Pembinaan Soalan Berdasarkan Taksonomi Bloom                                      | 2 hari      | Riviera Bay Resort, Melaka                                        | 12 - 13 April 2006                                                       | Keutamaan kepada staf akademik yang telah mengikuti Kursus Asas P & P (05 orang peserta)             |
| Kursus Asas Pengajaran & Pembelajaran (Kumpulan 2)                                       | 9 hari      | Ristec Beach Resort, Port Dickson & Hotel Alison Kelana, Seremban | Kumpulan 2 :<br>15 - 19 Mei 2006 &<br>19 - 22 Jun 2006                   | Staf akademik baru mesti menghadiri kursus ini (80 orang peserta)                                    |
| Amalan Instruksional                                                                     | 1 semester  | Fakulti / Pusat                                                   | Kumpulan 1 :<br>Dis 05 - Feb. 2006<br>Kumpulan 2 :<br>Julai - Sept. 2006 | Staf akademik yang telah mengikuti Kursus Asas P & P wajib menjalani Latihan ini (120 orang peserta) |
| Kursus Amalan Refleksi Dalam Pengajaran dan Pembelajaran                                 | 1 hari      | Water City, Resort Melaka                                         | 26 Jun 2006                                                              | Pilihan (40 orang peserta)                                                                           |
| Kursus Penguasaan dan Penilaian Kemahiran Generik                                        | 3 hari      | Hotel Seri Malaysia, Melaka                                       | 11 - 13 Julai 2006                                                       | Keutamaan kepada staf akademik yang telah mengikuti Kursus Asas P & P (05 orang peserta)             |
| Kursus Teknologi Pengajaran Dalam Pendidikan Kejuruteraan                                | 2 hari      | Century Mahkota Hotel, Melaka                                     | 11 - 12 Ogos 2006                                                        | Pilihan (40 orang peserta)                                                                           |
| Kursus Membina Portfolio Pengajaran Dalam Pendidikan Kejuruteraan                        | 2 hari      | Hotel City Bayview, Melaka                                        | 25 - 26 Ogos. 2006                                                       | Keutamaan kepada peserta yang telah mengikuti Kursus Asas P & P (05 orang peserta)                   |
| Kursus Pembelajaran Aktif Dalam Pendidikan Kejuruteraan                                  | 2 hari      | Merak Beach Resort, Pantai Puteri, Melaka                         | 5 - 6 Sept. 2006                                                         | Keutamaan kepada staf akademik yang telah mengikuti Kursus Asas P & P (05 orang peserta)             |
| Kursus Pengajaran Berkesan Berteraskan Aplikasi dan Amalan Dalam Pendidikan Kejuruteraan | 2 hari      | Hotel Straits Meridian, Melaka                                    | 1 - 2 Nov. 2006                                                          | Pilihan (05 orang peserta)                                                                           |
| Kursus Penyediaan OBE Bagi Mata Pelajaran Kejuruteraan                                   | 1 hari      | MITC Anaza Hotel, Melaka                                          | 28 Nov. 2006                                                             | Pilihan (40 orang peserta)                                                                           |

Tertakluk kepada perubahan dan penetapan tempat/ tarikh oleh penganjur

Kursus / Seminar / Bengkel telah dilaksanakan